

Menyelesaikan kerenah birokrasi PBT

um-16/4/2007.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi, Jumaat lepas mengumumkan beberapa langkah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran PBT bagi mengurangkan kerenah birokrasi.

Antara penambahbaikan ialah menerusi memperkasakan konsep *one stop centre* (pusat sehati) yang sekarang dipraktikkan oleh sesetengah PBT, menggantikan sistem kelulusan bangunan daripada CFO (Sijil Layak Menduduki) kepada CCC (Sijil Komplians dan Siap) serta pewujudan *commissioner of building* bagi menangani masalah antara pembeli bangunan dan pemaju.

Harapan besar Perdana Menteri adalah juga mewakili harapan seluruh rakyat yang mahukan perubahan drastik dilakukan di sektor awam terutamanya PBT. Umum mengetahui PBT adalah sistem kerajaan yang paling hampir dengan rakyat. Rakyat sudah letih dengan kerenah birokrasi yang sudah tidak lagi relevan dan juga sudah ketinggalan zaman. Semua pihak mahukan PBT lebih perkasa dari segi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Walaupun konsep *one stop centre* telah mula dipraktikkan oleh sebahagian PBT, namun arahan Perdana Menteri diharap dapat diambil tindakan segera oleh PBT yang masih belum berbuat demikian agar sesuatu permohonan da-

pat diproses dengan lebih sistematik dan terselaras.

Sebenarnya arahan Perdana Menteri adalah serampang dua mata terhadap pentadbiran PBT.

Selain mempermudah sistem yang sedia ada, ia juga menyuntik budaya kerja yang lebih profesional dan realistik oleh setiap PBT.

Budaya kerja yang sudah ketinggalan zaman sebenarnya memberikan imej negatif terhadap sesebuah PBT.

Bayangkan proses kelulusan bangunan yang memakan masa tiga hingga lima tahun, kini boleh diringkaskan dan dikurangkan kepada enam bulan untuk projek-projek terpilih.

Dengan memendekkan masa ini, ia akan meninggalkan kesan positif kepada industri pembinaan, pelabur dan peniaga yang sudah lama menantikan pengurangan birokrasi dan penurunan kos.

Penambahbaikan ini akan dirasai oleh pembeli rumah dan rakyat umum malah saya percaya ini akan menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hasil penyiapan projek perumahan, kilang, bangunan dan pejabat dengan lebih cepat.

Tempoh percubaan selama dua bulan yang diberikan kepada PBT, pejabat daerah dan kerajaan negeri, diharap dapat dipraktikkan agar impian dan harapan

Kerajaan Pusat dapat terlaksana kerana ia juga berhubung kait dengan pembinaan infrastruktur, penajanaan pekerjaan dan pendapatan rakyat hasil daripada usaha perubahan sistem ini.

Rakyat masih berharap kos semakan oleh ahli-ahli profesional seperti yang diamalkan di negara-negara maju bagi menggantikan proses semakan dan pengesahan oleh PBT yang mengakibatkan kelewatan tidak dibebankan kepada rakyat.

Penglibatan pakar profesional bukan kakitangan awam dan anggota lain yang terdiri daripada jabatan teknikal dalam konsep *one-stop-centre* yang diperkasakan itu, bukannya bermakna rakyat dan Kerajaan Pusat sudah hilang kepercayaan terhadap PBT.

Cuma pusat sehati yang diketuai oleh Yang Dipertua PBT haruslah berfikiran terbuka dan profesional dalam menjalankan tugas.

Pada pendapat saya sistem baru ini bukanlah bermaksud meniadakan kuasa PBT, tetapi ia lebih menjurus kepada menyelesaikan masalah besar yang dihadapi oleh pemaju hartanah dan pembeli bangunan itu sendiri.

Dalam pada itu kerajaan perlulah memantau selalu ahli profesional seperti arkitek dan jurutera bertauliah yang terlibat dengan sistem CCC ini agar mereka bertugas dengan jujur dan amanah. Pas-

tikan integriti dan ketelusan dipraktikkan seratus peratus agar tidak nanti rakyat akan mengeluh bahawa sistem CCC sama juga bermasalah dengan sistem CFO.

Itulah cabaran sebenarnya yang nanti *commissioner of building* yang diketuai oleh Yang Dipertua PBT. Resipi kejayaan sistem CCC adalah terletak di bahu semua pihak yang terlibat yang seharusnya bertekad untuk melakukan perubahan dan menetapkan pembaharuan.

Jika berjaya sistem baru ini, sekurangnya keluhannya dan rungutan pihak pelabur, peniaga, pengguna dan rakyat mengenai sektor awam selama ini akan terjawab. Tanggapan negatif dan sinis tentang urusan tadbir PBT akan terhakis jika sistem CCC dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Inilah contoh budaya kerja yang perlu diterapkan oleh PBT di abad ke-21 agar melibatkan secara langsung semua pihak dalam melengkapkan sistem kerja yang bersangkut-paut dengan pembangunan dan orang awam.

Hak dan tanggungjawab rakyat dapat disalurkan melalui wakil mereka yang menganggotai CCC.

**- SHAFUL BAHRI SAIDIN
Taman Harmoni, Sekinchan,
Selangor.**